

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
MENGUNAKAN PEKERJA ASING DI SASARAN PENTING DAN  
KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN**

**TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan syarat dan kaedah permohonan menggunakan pekerja asing di Sasaran Penting (SP) dan Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL) kepada penghuni SP Dan KLTL.

**PUNCA KUASA**

2. **Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing, Kali Ke-7, Bil.1/2022 pada 18 Julai 2022** telah bersetuju bahawa sebarang permohonan penggajian atau penempatan pekerja asing di SP dan KLTL akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) dengan syarat menggunakan khidmat pekerja warga asing berpermit secara jangka pendek bagi melaksanakan kerja-kerja di Sasaran Penting atau Kawasan Larangan dan Tempat Larangan.
3. **Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) Bilangan 1 Tahun 2012 pada 26 Januari 2012** telah mengambil maklum dengan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut. Maka JPSP telah menetapkan supaya pekerja asing dan pemegang kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) tidak dibenarkan bekerja di semua Sasaran Penting Negara.
4. **Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pekerja Asing dan Pemandang Tanpa Izin Khas (JKKPA-PATI) kali ke 6 Bilangan 2 Tahun 2011 bertarikh 05 Oktober 2011** dipengerusikan oleh

YAB Timbalan Perdana Menteri telah menetapkan supaya pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di semua Sasaran Penting Negara.

## TAFSIRAN

5. Bagi maksud pemakaian garis panduan ini adalah seperti berikut:

“**Pekerja Asing**” adalah pekerja bukan warganegara di bawah Akta Kerja 1955 dan mempunyai pas yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia yang membenarkan bekerja di Malaysia.

“**Sasaran Penting**” termasuklah apa-apa jua pepasangan yang hasil keluaran atau perkhidmatannya adalah sangat penting, dan sekiranya berlaku kemusnahan atau kerosakan akan menyebabkan kerugian yang amat besar kepada ekonomi, pertahanan atau keselamatan negara atau menjejaskan fungsi Kerajaan dan imej negara.

“**sasaran terdedah**” (*vulnerable points*) termasuklah mana-mana jua bahagian atau berkaitan dengan Sasaran Penting di mana sekiranya terjadi kemungkinan atau kerosakan, akan menjejaskan fungsi-fungsi Sasaran Penting itu. Adakalanya Sasaran Terdedah terletak di luar Kawasan Sasaran Penting.

“**Kawasan Larangan**” ertinya mana-mana Kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan mengikut peruntukan - peruntukan Seksyen 4 (1) Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

“**Tempat Larangan**” ertinya mana-mana premis yang diisytiharkan sebagai tempat larangan mengikut peruntukan-peruntukan Seksyen 5 (1) Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298);

“**Penghuni**” orang yang menghuni premis itu atau yang berkuasa menjaga, menyelenggara, mengurus atau mengawalinya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai agen seorang yang lain; dan

“**Tapisan Keselamatan**” proses memeriksa latar belakang seseorang individu bagi memastikan individu berkenaan bebas daripada rekod jenayah, espionaj, subversif, ekstremisme dan apa-apa rekod buruk lain yang boleh mendatangkan ancaman keselamatan.

“**perkakas gambar foto**” ertinya sesuatu perkakas untuk mengambil atau membuat gambar foto, filem, negatif, pita rakam atau lain-lain alat yang mengandungi satu imej atau lebih yang boleh dilihat supaya boleh (dengan atau tanpa bantuan sesuatu alat kelengkapan lain) dikeluarkan ulangnya dan termasuklah mana-mana bahagian komponen perkakas itu.

## **PROSES PERMOHONAN**

6. Garis Panduan Permohonan Menggunakan Pekerja Asing Di SP dan KLTL ini merangkumi:

- i. Senarai Semak Permohonan Menggunakan Pekerja Asing Di SP dan KLTL (**Lampiran A**); dan
- ii. Senarai Nama Pekerja Asing (**Lampiran B**).

7. Proses permohonan adalah mengikut rajah carta alir seperti di **Lampiran C**.

## **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGHUNI/ PEMILIK**

8. Garis panduan ini adalah bagi memastikan **penghuni SP dan KLTL** mengambil tanggungjawab dan syarat-syarat permohonan bagi pengambilan pekerja asing seperti berikut:

- a) pengambilan pekerja asing perlu mengikut prosedur Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) seperti di lampiran. Bagi Sabah dan Sarawak merujuk kepada pihak berkuasa Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak;
- b) semua pekerja (tempatan dan asing) yang ditugaskan menjalankan kerja-kerja di instalasi ini perlu **menjalani tapisan keselamatan** dengan kadar segera melalui Sistem e-Vetting sebelum dibenarkan bekerja. Sekiranya pekerja gagal dalam tapisan keselamatan tersebut maka pekerja tersebut adalah tidak dibenarkan bekerja sama sekali;
- c) sekiranya permohonan ini melibatkan instalasi SP dan KLTL yang dikawal oleh Angkatan Tentera Malaysia, **tapisan keselamatan dari Bahagian Malaysia Defence Intelligence Organisation (MDIO)**;
- d) syarat kebenaran ini hanya untuk kerja-kerja yang telah dikenalpasti serta mempunyai tempoh masa singkat atau sehingga enam (6) bulan paling maksimum. Sekiranya sesuatu projek perlu mengambil masa yang lama penghuni/pemilik perlu membuat permohonan pelanjutan tempoh masa yang baharu dalam tempoh tiga minggu sebelum sah laku permohonan pertama tamat;
- e) pekerja asing ini perlu dipastikan mempunyai apa-apa dokumen yang disahkan Kerajaan;

- f) pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di **barisan hadapan (frontliner)** yang terdiri daripada penyelia dan petugas kaunter serta telefonis khidmat pelanggan yang berurusan secara langsung dengan pelanggan;
- g) majikan perlu mendapatkan **letter of good conduct**;
- h) majikan perlu memperolehi pas/permit kerja yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia yang membenarkan pekerja asing untuk bekerja di Malaysia;
- i) pihak instalasi hendaklah memberi maklum kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan Balai Polis terdekat berhubung pembinaan di kawasan instalasi bagi mendapatkan bantuan rondaan serta risikan balas; dan
- j) majikan perlu menyediakan kemudahan penginapan berpusat pekerja asing. Merujuk keputusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) kali ke 15 Bil.1/2016 pada 12 Mei 2016 bagi majikan swasta.

## **LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN FIZIKAL DALAM KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN**

9. Penghuni/ pemilik perlu memastikan Langkah-langkah keselamatan fizikal seperti Lampiran D1, Arahan Tetap Sasaran Penting (ATSP) di laksanakan seperti berikut:

### **9.1 Pegawai Keselamatan:**

- a) penyelia tapak projek hendaklah menjadi mata dan telinga kepada Pengurusan Keselamatan instalasi dan sentiasa mendapatkan *sitrep* terkini;

- b) meningkatkan kekerapan selang masa rondaan anggota keselamatan serta merencamkan *patrolling types* iaitu *active patrol*, *random patrol* dan *directed patrol* di kawasan terbabit; dan
- c) *security induction* dan *security awareness* hendaklah diberikan kepada semua pekerja yang terlibat di dalam kawasan pembinaan bagi memastikan pematuhan terhadap *Standard Operating Procedures* instalasi;

## 9.2 Halangan Fizikal:

- a) sistem keselamatan perlindungan di instalasi Sasaran Penting tersebut hendaklah sentiasa berfungsi dengan baik bagi memastikan tindakan-tindakan *Deterrence*, *Detection*, *Delay* dan *Response* dapat dilaksanakan sebagai jaminan keselamatan terhadap operasi instalasi;
- b) *segregation access* atau pengasingan kemasukan pekerja-pekerja hendaklah dilaksanakan dengan tegas. Kemasukan pekerja-pekerja pembinaan, peralatan dan jentera pembinaan hendaklah dikawal melalui satu laluan sahaja;
- c) pemasangan *hoarding* atau penghadang kukuh yang mempunyai ciri-ciri keselamatan perlu dilaksanakan khusus bagi mengelakkan pemandangan terus ke kawasan instalasi. Kemasukan tanpa kawalan atau kemasukan yang silap ke dalam kawasan-kawasan yang sensitif khususnya di bilik kawalan utama;
- d) laluan khas perlu diwujudkan kepada pekerja asing ini agar setiap instalasi dapat membuat pemantauan terhadap gerak laku warga asing; dan

- e) sebarang perubahan waktu bekerja di tapak pembinaan hendaklah mendapat kebenaran daripada pegawai bertanggungjawab terhadap instalasi.

### **9.3 Papan Kenyataan Syarat-Syarat Kemasukan:**

- a) Papan Kenyataan dengan menyatakan nama instalasi hendaklah diletakkan di sebelah pintu masuk utama dan berhadapan pondok pengawal. Ianya mestilah mengandungi syarat-syarat kemasukan ke dalam sesuatu Sasaran Penting dan merangkumi pemeriksaan perkakas gambar, foto, senjata api, amunisi atau bahan letupan; dan
- b) semua pekerja asing dilarang membawa masuk sebarang perkakas fotografi dan telefon bimbit serta dilarang mengambil/merakam gambar/ video di kawasan Sasaran Penting.

### **9.4 Sistem pas:**

- a) sistem pas keselamatan hendaklah diwujudkan bagi mengenalpasti dan mengawal pergerakan pekerja asing di dalamnya; dan
- b) semua pekerja hanya dibenarkan bekerja dengan menggunakan pas harian sahaja dan mematuhi apa jua peraturan yang ditetapkan oleh instalasi Sasaran Penting dari masa ke semasa dan akses pekerja asing hanya terhad di kawasan atau tempat operasi yang dibenarkan sahaja.

## **9.5 Tapisan Keselamatan:**

- a) semua pekerja (tempatan dan asing) yang bertugas di instalasi SP dan KLTL hendaklah menjalani tapisan keselamatan melalui Sistem e-Vetting. Sekiranya pekerja gagal dalam tapisan keselamatan tersebut maka pekerja tersebut adalah tidak dibenarkan bekerja sama sekali;

## **PEMATUHAN PENGUATKUASAAN**

10. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan berkaitan kewujudan premis, pematuhan undang-undang pemburuan, penyediaan penginapan pekerja asing, syarat dan kriteria minimum permohonan. Kelulusan JTKSM di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 merupakan salah satu kriteria yang akan diambil kira bagi menentukan kelulusan permohonan menggajikan pekerja asing. Garis panduan ini akan membantu Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) dalam membuat penilaian terhadap penghuni Sasaran Penting yang membuat permohonan menggunakan pekerja asing bekerja di dalam premis yang telah disenaraikan sebagai Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan. Dengan yang demikian garis panduan ini hendaklah dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam Pengurusan Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan seluruh negara.

## **PENILAIAN KESELAMATAN**

11. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) akan memantau untuk memastikan syarat-syarat di perkara 8 dapat dipatuhi dan dilaksanakan terhadap pekerja asing;



12. Panel Kelulusan terdiri daripada pelbagai agensi keselamatan seperti:

- (a) Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- (b) Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM);
- (c) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (d) Majlis Keselamatan Negera (MKN);
- (e) Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
- (f) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan
- (g) Lain-lain Agensi-agensi kawal selia (sekiranya perlu)

## **PERHUBUNGAN**

13. Permohonan menggunakan pekerja asing di Sasaran Penting atau Kawasan Larangan dan Tempat Larangan hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Pengarah Bahagian  
Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 1, Kompleks Setia Perdana  
Setia Perdana 7  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persukutuan  
62502 Putrajaya**

**Tel: 03-8872 6081**

**Faks: 03-8889 0976**

## **PEMAKAIAN**


14. Penghuni/Pemilik Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan hendaklah mematuhi pemakaian garis panduan permohonan menggunakan pekerja asing di Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan yang berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama Arahan Tetap Sasaran Penting.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATUK HAJI RUJI BIN HAJI UBI**

Ketua Setiausaha,

Kementerian Dalam Negeri

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting

Tarikh: 23 Ogos 2023



JAWATANKUASA PUSAT SASARAN PENTING (JPSP)

SENARAI SEMAK DOKUMEN  
PERMOHONAN MENGGUNAKAN PEKERJA ASING  
DI SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN  
(Kegunaan Agensi/ CGSO)

BIL	NAMA DOKUMEN	TINDAKAN (X)		CATATAN
1	Salinan hebahan kekosongan	<input type="checkbox"/>		
2	Surat permohonan menggunakan khidmat Pekerja Asing Di SPKLTL (Permohonan daripada pemilik SP KLTL)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Ada Tiada	
3	Tempoh masa yang diperlukan bagi menggunakan perkhidmatan Pekerja Asing dari ..... Hingga .....			
4	Jumlah permohonan pekerja asing (Lampiran B)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Ada Tiada	Pekerja Lelaki: Pekerja Wanita:
5	Senarai nama pekerja asing/ No. Pasport dan No. Pas (sertakan salinan Pasport dan No. Pas)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Ada Tiada	
6	Letter of good conduct (Surat daripada kedutaan)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Ada Tiada	
7	Menjalani Tapisan Keselamatan (e-Vetting) bagi semua pekerja asing (sertakan salinan permohonan)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Ada Tiada	
8	Tapisan Keselamatan dari Bahagian Malaysia Defence Intelligence Organisation (MDIO) -(Jika Perlu)	<input type="checkbox"/>	Ada/ Tiada	
9	Penginapan pekerja asing disediakan	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Ada Tiada	
10	Surat pemakluman kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) atau Balai Polis terdekat	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Ada Tiada	
11	Salinan kelulusan permohonan menggajikan pekerja asing daripada JTKSM dibawah peruntukan Seksyen 60K Akta Kerja 1955	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Ada Tiada	
Ulasan Agensi (Jika ada): ..... ..... ..... ..... .....				
<input type="checkbox"/> Tiada Bantahan <input type="checkbox"/> Mendirikan Bantahan				
Cop Pegawai & Agensi:			Tarikh:	
<i>Nota: Dokumen yang dihantar perlu mengikut Senarai Semak diatas dan jelas</i>				



**JAWATANKUASA PUSAT SASARAN PENTING (JPSP)**  
**SENARAI NAMA PEKERJA ASING**  
**DI SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN**

**NAMA INSTALASI:** \_\_\_\_\_

**Kategori :** SP I/SP III/ KL/ TL/ KLTL (*tanda yang bersesuaian*)

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO. PASPORT</b>	<b>NO. PAS &amp; TEMPOH SAHLAKU PAS</b>	<b>NEGARA</b>	<b>JANTINA</b>	<b>TEMPOH BEKERJA DI SPKLTTL</b> Contoh: (1.4.2023 - 1.6.2023)

